

14 MAR 1999

KEMENANGAN BN DI SABAH BUKTIKAN PENERIMAAN KEPIMPINAN DR MAHATHIR

MELAKA, 14 Mac (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin berkata kemenangan Barisan Nasional (BN) di Sabah membuktikan majoriti rakyat negeri itu menerima kepimpinan BN yang diterajui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata kebanyakan rakyat Sabah sudah berubah fikiran dengan mengutamakan kepentingan nasional dan mengenyampingkan semangat kenegerian yang dilaungkan oleh parti pembangkang di Sabah.

"Majoriti rakyat Sabah mahu BN terus memerintah bagi meneruskan pembangunan di negeri itu di samping mengekalkan hubungan baik dengan kerajaan pusat," katanya kepada pemberita di kediaman rasminya di Seri Bendahara, di sini hari ini.

Mengenai kemenangan Umno di kesemua 24 kerusi yang ditandinginya, Abu Zahar berkata kemenangan itu membuktikan hampir keseluruhan Bumiputera Islam Sabah menyokong perjuangan Umno dan bersatu di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

Sementara itu di SHAH ALAM, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar berkata kemenangan BN dalam pilihan raya negeri di Sabah menunjukkan keikhlasan pemimpin Umno kini diterima dan difahami oleh masyarakat di negeri itu.

Beliau menyifatkan kemenangan itu sebagai kejayaan cemerlang kerana BN mampu memenangi pilihan raya tersebut walaupun ada pihak yang cuba membangkitkan keraguan terhadap keikhlasan kunjungan para pemimpin Umno dari luar Sabah ke negeri itu.

Abu Hassan berkata demikian ketika ditemui selepas mengambil bahagian dalam Pertandingan Golf antara pasukan Sultan Selangor dengan pasukan para Diplomat sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor ke-73 di Kelab Golf Glenmarie, dekat sini pagi ini.

-- BERNAMA

NO/AZH LAT